

22 JAN 2004

Tahun Baru-rangkuman (Bergambar)

TAHUN MONYET DISAMBUT MERIAH MASYARAKAT CINA SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Kedatangan Tahun Monyet yang dianggap bertuah dan berperwatakan ceria disambut meriah masyarakat Cina yang merayakan Tahun Baru Cina hari ini.

Kemeriahan jelas kelihatan di majlis-majlis rumah terbuka yang diadakan di seluruh negara yang menjadi tradisi sambutan perayaan di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menghadiri majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina yang diadakan MCA dan Gerakan, dua parti komponen Barisan Nasional (BN).

Ketibaan mereka di Wisma MCA disambut Presiden MCA yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting.

Turut hadir ialah bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Bercakap kepada wartawan, Dr Mahathir berharap tahun ini akan membawa lebih banyak kebaikan kepada rakyat dan negara.

Presiden MIC yang juga Menteri Kerjaraya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Presiden Gerakan yang juga Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik adalah antara menteri yang turut hadir.

Bekas presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan ribuan rakyat pelbagai kaum juga mengunjungi majlis rumah terbuka itu.

Ong memberitahu pemberita beliau gembira dengan kehadiran pemimpin lama dan baru dalam sambutan kali ini dan berharap tahun ini menjanjikan permulaan yang baik bagi MCA dan Parti Gerakan.

Abdullah kemudiannya menghadiri rumah terbuka parti Gerakan di Wisma PGRM, Jalan Pudu Ulu.

Di JOHOR, rumah terbuka perayaan Tahun Baru Cina tetap meriah walaupun disambut secara sederhana dengan kehadiran kaum keluarga dan sahabat handai.

Cuti umum yang panjang itu turut memberi kesempatan orang ramai mengunjungi pusat rekreasi dan pusat membeli-belah di negeri ini termasuk pusat rekreasi Danga Bay di pantai Lido di sini, yang akan menjadi

lokasi

Kongsiraya Rumah Terbuka Tahun Baru Cina peringkat kebangsaan, Sabtu ini.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Permasuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid berkenan berangkat ke majlis itu yang bermula dari pukul 5 petang hingga 12 tengah malam.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak juga akan menghadiri majlis rumah terbuka itu.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman yang menghadiri rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran Persekutuan Tiong Hua Johor Baharu di dewan Sekolah Menengah (C) Foon Yew di Stulang Laut di sini hari ini berkata hubungan mesra antara masyarakat berbilang bangsa di negara ini begitu rapat dan kukuh.

"Ini dapat dibuktikan menerusi pelbagai perayaan yang diraikan pasti akan membabitkan keseluruhan bangsa, termasuk mengunjungi rumah terbuka yang menjadi tradisi rakyat negara ini," katanya.

Beliau berharap Tahun Monyet ini akan dapat memberi kemakmuran, kesejahteraan dan kepesatan pembangunan ekonomi negeri ini.

Di KUCHING, sambutan Tahun Baru Cina diraikan dengan meriah walaupun hujan lebat sejak awal pagi ini menyebabkan beberapa kawasan di sini mengalami banjir kilat.

Kemeriahan untuk menyambut ketibaan Tahun Monyet itu mulai dirasai semalam apabila jalan raya sesak sejak awal pagi.

Namun keadaan berlainan pada sebelah petang apabila jalan raya hampir lengang kerana kebanyakan masyarakat Cina menutup perniagaan lebih awal untuk menghadiri makan malam.

Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), parti kedua terbesar dan parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sarawak, adalah antara yang mengadakan rumah terbuka sempena sambutan Tahun Baru Cina di ibu pejabat parti di Jalan Ong Kee Hui.

Rumah terbuka SUPP itu bermula pada pukul 9.30 pagi hingga 1 petang dan turut mengunjungi rumah terbuka tersebut ialah Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul

Taib Mahmud.

Bagi masyarakat yang tidak meraikan Tahun Baru Cina, selain berkunjung ke rumah terbuka, cuti panjang selama empat hari terutama kakitangan awam digunakan untuk berehat di tempat-tempat peranginan di Santubong, kira-kira 50km dari Kuching.

Di KANGAR, Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah berangkat menghadiri rumah terbuka Ketua Wanita MCA Perlis, Oui Ah Lan di dewan pendidikan akhlak Chee Yang Khor.

Baginda berdua turut beramah mesra dengan para tetamu yang hadir di rumah terbuka Oui yang juga anggota dewan undangan negeri kawasan Indera Kayangan itu.

Para pembesar lain yang turut menghadiri rumah terbuka itu ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Sementara itu, Pemangku Raja Perlis dan Raja Puan Muda Perlis berharap Tahun Baru Cina akan menjadi pemangkin keharmonian rakyat berbilang kaum di negara ini.

Dalam kenyataan yang dikirim kepada Bernama hari ini, baginda berdua yakin amalan kunjung mengunjung masyarakat berbilang kaum perlu dikekalkan kerana ia mempunyai nilai hubungan masyarakat majmuk yang murni.

Di SEREMBAN, Lebih 5,000 orang menghadiri rumah terbuka Tahun Baru Cina yang diadakan MCA dan Gerakan.

Turut memeriahkan sambutan ialah Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan isteri Puan Sri Hazizah Tumin, anggota Exco dan pemimpin masyarakat.

MCA mengadakan rumah terbuka di Dewan Besar Majlis Perbandaran Seremban manakala Gerakan pula di Restoran Temiang Corner, Wisma Gerakan.

Di KUALA TERENGGANU, Tahun Baru Cina disambut sederhana tetapi meriah apabila masyarakat Cina berkumpul bersama kaum keluarga mereka sejak petang semalam dan mengunjungi rumah sanak saudara.

Cuti panjang sempena sambutan perayaan itu juga digunakan oleh orang

ramai terutamanya pelancong untuk mengunjungi tempat-tempat yang menarik di negeri ini termasuk di kedai Pasar Payang di Kuala Terengganu.

Tempat lain yang turut menjadi tumpuan termasuklah Pantai Batu Buruk, Air Terjun Sekayu di Hulu Terengganu dan tempat lain di negeri ini.

Di ALOR STAR, sambutan Tahun Baru Cina juga disambut meriah oleh masyarakat Cina, disertai dengan kunjungan rakan-rakan dari kaum lain.

Parti MCA Kedah mengadakan rumah terbuka di Dewan Sekolah Menengah Keat Hwa (Persendirian), pada sebelah petang ini.

Di KOTA BAHARU, persembahan tarian singa oleh kumpulan remaja untuk memeriahkan sambutan Tahun Baru Cina turut mendapat perhatian ramai kaum Melayu.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan timbalannya Datuk Abdul Halim Abdul Rahman serta beberapa anggota Exco kerajaan negeri menghadiri majlis sambutan Tahun Baru Cina anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Lama di Jalan Kebun Sultan.

Anggota dewan undangan negeri Kota Lama ialah Datuk Anuar Tan Abdullah.

Bercakap kepada pemberita, Nik Aziz berkata kerajaan negeri sangat mengharapkan semua kaum di negeri itu dapat terus hidup dalam keadaan aman.

Di SABAH, sambutan Tahun Baru Cina berlangsung secara sederhana dengan amalan kunjung-mengunjung antara sahabat handai dan keluarga.

Antara rumah terbuka yang berlangsung hari ini ialah yang dianjurkan bersama bahagian MCA dan Gerakan di Sandakan yang dihadiri Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman dan pemimpin-pemimpin di peringkat bahagian.

Orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat mengunjungi rumah terbuka itu yang diadakan Sabah buat kali pertama secara bersama oleh kedua-dua parti.

Rumah terbuka beberapa pemimpin parti komponen BN di negeri ini akan diadakan esok.

Di PULAU PINANG, lebih 10,000 orang menghadiri rumah terbuka Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang diadakan di Kota Conwalis, Padang Kota Lama, di sini.

Orang ramai beratur panjang sejak pukul 10 pagi untuk

mengucapkan  
selamat tahun baru kepada Koh dan keluarga sambil mendoakan  
kesihatan  
isterinya, Puan Sri Chui Kah Peng yang sedang berehat selepas  
menjalani  
pembedahan baru-baru ini.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr Hilmi Yahaya  
dan  
Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Yahaya Abdul Hamid.

Setiap tetamu yang datang dihadiahkan buah limau mandarin serta  
dijamu  
dengan pelbagai hidangan seperti nasi beriani, Char Koay Teow, roti  
canai,  
cendol dan pelbagai kuih-muih.

Tetamu di majlis itu juga dihiburkan dengan pelbagai persembahan  
termasuk koir, tarian kebudayaan pelbagai kaum dan paluan gendang  
Cina.

Selain Koh, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Alam  
Sekitar dan  
Pengurusan Lalulintas Negeri, Datuk Dr Teng Hock Nan dan keluarga  
turut  
mengadakan rumah terbuka di bangunan Moral Uplifting Society di  
sini.

Pada sebelah petang, Parti Progressif Penduduk (PPP) mengadakan  
rumah  
terbukanya di Wisma YMCA Jalan Macalister.

Kemuncak sambutan Taun Baru Cina di negeri ini ialah pada esok,  
Abdullah akan menghadiri rumah terbuka bersama anjuran Parti Gerakan  
dan  
MCA negeri di Arena Sukan Antrabangsa Pulau Pinang (PISA).

Sementara itu, tinjauan Bernama di sekitar negeri ini mendapati  
perayaan ini disambut sederhana tetapi meriah oleh masyarakat Cina  
dan  
keadaan lalulintas di sekitar Georgetown tidak begitu sibuk  
berbanding  
dengan hari-hari biasa.

Di IPOH, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali menghadiri  
rumah  
terbuka anjuran tiga parti komponen Barisan Nasional (BN).

Beliau mengunjungi rumah terbuka Exco Kerajaan Negeri dan  
Pengerusi MCA  
Perak, Datuk Ong Ka Chuan sebelum ke rumah seorang lagi Exco dan  
Timbalan  
Setiausaha Agung Gerakan, Datuk Chang Ko Youn.

Tajol Rosli dan keluarga turut menghadiri rumah terbuka  
Pengerusi PPP,  
Lee Heng (Lee Heng).

Bandaraya Ipoh agak sibuk walaupun hari ini cuti umum kerana  
ramai anak  
muda yang bekerja di luar, kebanyakannya di Lembah Klang dan  
Singapura,  
pulang untuk menyambut Tahun Baru Cina.

Pekerja warga asing yang bekerja di kilang di sini turut mengambil kesempatan cuti umum untuk mengunjungi beberapa pasaraya dan pusat membeli belah yang dibuka.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin dan isteri Toh Puan Marfuza Sheikh Osman serta Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan isteri Datin Seri Asmah Abd Rahman mengunjungi rumah terbuka yang dianjurkan oleh Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) di rumah Pengerusi PGRM negeri Datuk Chua Peng Soon di Bukit Baru.

Mohd Ali dan isteri kemudian turut menghadiri rumah terbuka Ketua Polis Melaka Datuk Christopher Wan Soo Kee di Kediaman Polis Seri Temenggung di Bukit Sebukor. Rumah terbuka MCA pula akan diadakan di Wisma MCA, Jalan Hang Tuah malam ini.

Selain itu, orang ramai termasuk pelancong dari luar negara turut mengunjungi tempat-tempat bersejarah di Melaka seperti di Bangunan Stadhuys, Bukit St Pauls, Air Keroh dan Bandar Hilir.

-- BERNAMA

SHI JM BH RDY BD MNH NBB TAJ HIS APG AD ZU AR JS SBS BK